

**Populariti Najib tidak beri kesan sokongan untuk BN, kata Pakatan
The Malaysian Insider
12 Mac , 2012
Oleh Clara Chooi dan Lisa J. Ariffin**

KUALA LUMPUR, 12 Mac — Pemimpin Pakatan Rakyat (PR) berkata mereka menerima dengan hati terbuka peningkatan populariti Datuk Seri Najib Razak, namun perkara itu jelas mereka bukanlah bermakna sokongan penuh kepada Barisan Nasional (BN) dan Umno.

Menurut mereka, peningkatan populariti Perdana Menteri itu, yang mana telah memberikan kesan mendalam terhadap sokongan daripada kumpulan berpendapatan rendah terhadap pentadbiran beliau ekoran pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) berjumlah RM500 baru-baru ini.

Tony Pua

Namun demikian, menurut Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua, populariti tersebut akan menurun sekiranya penerima skim berkenaan habis membelanjakan setiap ringgit mereka dan perdana menteri memilih untuk menanggung-nanggung Pilihan Raya Umum ke-13.

"Selagi masa berjalan, impak positif daripada RM500 itu akan hilang, lebih-lebih lagi apabila beliau melambat-lambatkan tarikh pilihan raya," katanya yang dihubungi The Malaysian Insider.

Khalid Samad

Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad turut menyokong kenyataan Tony Pua, dan menyatakan "Najib telah menanggung pilihan raya terlalu lama".

"Mereka yang menerima RM500 akan menggunakan duit tersebut, dan mereka yang tidak menerimanya akan merungut," jelasnya.

"Bila tiba masa Najib mengumumkan pilihan raya, kami akan menjelaskan rakyat telah diberikan duit yang dipinjam. Sekarang ini pun negara sedang berada dalam keadaan defisit," tambahnya.

Nurul Izzah

"Melihat kepada perbelanjaan berlebihan Perdana Menteri melalui BR1M dan pemberian lain, peningkatan populariti beliau bukanlah sesuatu yang mengejutkan," menurut pemerhatian Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar.

Melalui BR1M, setiap isi rumah berpendapatan d bawah RM3,000 akan diberikan pemberian wang tunai berjumlah RM300, dilihat sebagai salah satu usaha kerajaan untuk mengurangkan beban kenaikan harga barang.

Program berkenaan dilihat memberikan impak yang besar kepada keyakinan pengundi terhadap najib, terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Menurut kajian yang dibuat Merdeka Survey Jumaat lalu, populariti Perdana Menteri melonjak sehingga 10 peratus kepada 69 peratus.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/populariti-najib-tidak-beri-kesan-sokongan-untuk-bn-kata-pakatan/>